PERATURAN SEKOLAH

Setiap pelajar dimestikan mematuhi peraturan yang terdapat di sekolah. Ianya adalah salah satu cara melahirkan pelajar yang berdisiplin. Kegagalan mematuhi peraturan membawa banyak kesan negatif terhadap pelajar- pelajar.

Peraturan sekolah sangat penting bagi mengelakkan pelajar daripada terjebak dalam gejala sosial dalam peringkat awal lagi seperti merokok, mengambil dadah, mencuri dan sebagainya. Ini akan melahirkan pelajar yang tidak berakhlak.

Selain itu, peraturan juga dapat melahirkan seorang pelajar yang bertanggungjawab. Pelbagai peraturan seperti menepati masa, menyiapkan kerja rumah, dan lain- lain perlu diamalkan. Dengan ini, pelajar dapat belajar bersungguh- sungguh dan menumpukan perhatian dalam pelajaran. Dengan ini mereka akan dapat memperolehi kecemerlangan dalam peperiksaan. Bak kata pepatah, "sambil menyelam minum air" murid dapat

LIVEWORKSHEETS

memperolehi keputusan yang cemerlang dan disiplin diri mereka dapat ditingkatkan lagi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, peraturan dapat melahirkan pelajar yang berdisiplin.

Peraturan sekolah juga adalah untuk mengelakkan sebarang kemalangan. Misalnya, pelajar harus mematuhi peraturan yang terdapat di kantin, kelas, bilik sains, perpustakaan dan sebagainya. Jika pelajar tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan tentulah pelajar akan ditimpa kemalangan. Ini juga akan mewujudkan masalah- masalah yang tidak diingini.

Akhir sekali, peraturan yang dilaksanakan dapat melahirkan pelajar yang berjaya dalam mengurus masa, menghargai kemudahan pendidikan yang disediakan serta insan disekeliling mereka. Peraturan sekolah banyak memberi kebaikan kepada pelajar. Hal ini bukan sahaja memudahkan guru untuk mengajar tetapi mendidik pelajar supaya memiliki matlamat yang jelas untuk berjaya .

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN

Nyatakan BETUL atau SALAH bagi pernyataan di bawah ini.

Betul	**Betul**	**Betul**	**Betul**	**Betul**
Salah	**Salah**	**Salah**	**Salah**	**Salah**

1	**Mematuhi peraturan sekolah sangat penting bagi setiap murid.**	
2	**Melanggar peraturan sekolah adalah perbuatan yang sangat baik.**	
3	**Berpakaian kemas adalah salah satu peraturan sekolah.**	
4	**Mematuhi peraturan sangat menyulitan aktiviti murid.**	
5	**Menconteng harta benda sekolah adalah perbuatan yang terpuji.**	
6	**Murid yang bertanggungjawab akan mematuhi peraturan sekolah.**	
7	**Peraturan sekolah melatih murid menjadi berdisiplin.**	
8	**Murid tidak perlu berbaris menunggu giliran.**	
9	**Murid yang tidak berdisiplin akan disukai oleh guru.**	
10	**Menepati masa dapat melahirkan murid yang Berjaya.**	

LIVEWORKSHEETS